

TAHUN 10 BILANGAN 18 RABU 11 OGOS, 1965 1385 رابو 21 جماد الاخير PERCHUMA

PERMOHONAN MENJADI PENGUNDI PILEHAN RAYA DI-TUTOP ESOK

BANDAR BRUNEI. — Saperti yang telah di-ma'alomkan pada awal bulan Julai yang lepas, maka Pejabat Pilehan Raya Brunei pada masa ini sedang menerima permohonan untuk menjadi sa-orang pengundi.

Penerimaan permohonan2 itu akan di-tutup pada 12 Ogos, 1965. Dari itu orang2 yang berkelayakan untuk menjadi pengundi silalah datang ka-Sekolah2 Melayu untuk mendaftarkan diri jika orang2 itu tinggal di-luar Bandar dan ka-Pejabat2 Pegawai Daerah jika orang2 itu tinggal di-dalam Bandar.

Guru2 di-Sekolah2 Melayu di-luar Bandar telah di-lantek menjadi Pegawai Pendaftar.

Orang2 yang sudah berdaftar pada tahun lepas tidak lagi payah mendaftarkan diri mereka kecuali mereka berhajat hendak menukar alamat mereka serta menukar bahagian pendaftaran-nya, di-mana mereka berkelayakan mendaftar.

PERTUKARAN ALAMAT

Pertukaran alamat baharu serta bahagian pendaftaran ini mahu-lah di-buat dalam Borang "B" yang boleh di-dapati daripada Pegawai2 Pendaftar.

Surohanjaya Pilehan Raya menyeru kepada orang2 yang berkelayakan supaya datang dengan tidak lewat daripada 12 Ogos, 1965 ka-Pusat Pendaftaran untuk mendaftarkan diri mereka sabagai pengundi.

Orang2 yang sudah berdaftar, tetapi berhajat hendak menukar alamat dan bahagian pendaftaran-nya mahu-lah juga berbuat sa-demikian.

Peluang ini terbuka hingga 12 Ogos, 1965 dan sa-habis itu pen-

daftaran di-tutup dan hanya di-buka sa-kali lagi pada bulan Julai tahun hadapan.

(Lihat muka 8)

PENGANTIN DI-RAJA BERCHEMAR DULI KA-BELAIT KELEMARIN

KUALA BELAIT. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah berchemar Duli ka-Daerah Belait kelemarin.

Pada sa-belah pagi kedua2 Pengantin Diraja itu telah berchemar Duli ka-satu majlis sambutan yang meriah di-Padang Kuala Belait.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Muda Mahkota telah di-ra'ikan di-satu Majlis Jamuan oleh Gabongan Persatuan2

dan Kelab2 di-Daerah Belait, bertempat di-Shell Recreation Club pada pukul 2-30 petang.

Pada masa itu juga Per-kumpulan Kebajikan Perempuan Daerah Belait telah mera'ikan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha di-Kuala Belait Recreation Club.

Dua jam kemudian, penduduk2 di-Daerah Belait telah mengadakan satu Majlis Jamuan Teh untuk mera'ikan keberangkatan kedua2 Pengantin Diraja tersebut di-rumah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah di-ra'ikan oleh Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Jamuan Santapan bertempat di-Dewan Bangunan Guru2 Melayu Brunei pada malam Juma'at yang lalu. Dalam gambar ini kelihatan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah semasa bersabda di-majlis tersebut, Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha kelihatan duduk di-seluruh Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.

SOKONG-LAH DASAR KERAJAAN MENGUTAMAKAN BAHASA MELAYU PERSEKUTUAN GURU² MELAYU BRUNEI

Akan Membena Kolam Panchutan Ayer Sa-bagai Chenderamata Perkahwinan Di-Raja

BANDAR BRUNEI. — Persekutuan Guru² Melayu Brunei telah mengadakan satu Majlis Jamuan kerana meraikan Pengantin Di-Raja, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri.

Majlis itu telah di-adakan di-Dewan Bangunan Guru² Melayu Brunei pada malam 5 Ogos dan di-hadiri oleh ramai para jemputan, antara-nya ia-lah Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha, Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar Haji Mohamed Salleh; Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal; Timbalan Menteri Besar, Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali; Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof; Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei, Yang Terutama Awang F. D. Webber dan lain2-nya.

Yang Dipertua Agong, Persekutuan Guru² Melayu Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh, ketika memberikan ucapan di-majlis tersebut telah mengucap-kan sa-tinggi2 terima kasih atas kesudian Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri berchemar Duli ka-majlis tersebut.

Bagi pehak Persekutuan Guru² Melayu Brunei, Awang Shahbu-

din telah mengucapkan tahniah atas perkahwinan kedua2 Pengantin Di-Raja itu.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Awang Shahbudin berkata, "Yang Teramat Mulia Tuanku berdua yang di-raikan, di-sa'at seluruh ra'ayat menyambut Istiadat Perkahwinan Diraja yang sesuai dengan zaman ini, Persekutuan Guru² Melayu Brunei berasa shukor di-samping berasa bangga dan besar hati kerana dapat serta mengadakan sambutan keshukoran di-atas perkahwinan Tuanku.

"Lebeh2 lagi rasa kebanggaan dan besar hati hamba2 Tuanku kerana Tuanku berdua sudi berchemar Duli menghadiri majlis yang tidak dengan saperti-nya ini, demi untuk menunaikan tujuan hamba2 Tuanku sekalian."

Awang Shahbudin selanjut-nya berkata bahawa di-samping Pegawai2 dan ahli2 Persekutuan Guru² Melayu Brunei menyambut Selamat Perkahwinan Diraja tersebut dengan mengadakan jamuan itu, beliau mengumomkan bahawa Persekutuan Guru² Melayu Brunei dengan bangga dan tulus ikhlas-nya akan membena

sa-buah Kolam Panchutan Ayer di-Bandar Brunei, ia-itu sa-bagai chenderamata persembahan kenang2an tanda keshukoran Pegawai2 dan ahli2 P.G.B.M.B. di-atas Perkahwinan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Saleha.

BANGUNAN YANG KEKAL

Kolam Panchutan Ayer itu, tegas Awang Shahbudin, akan merupakan bangunan yang kekal dan pada masa ini urusan mengenai-nya sedang di-usahkan.

"Insha Allah, sa-belum sejarah beraleh ka-tahun hadapan, chenderamata persembahan hamba2 Tuanku itu akan dapat-lah di-saksikan" kata lagi Awang Shahbudin.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota, ketika membalas ucapan yang telah di-lafadzkan oleh Awang Shahbudin bin Saleh, telah mengucapkan terima kasih atas kesudian Persekutuan Guru² Melayu Brunei mengadakan majlis tersebut untuk meraikan Yang Teramat Mulia itu dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri.

INGATAN YANG IKHLAS

Ingatan yang tulus ikhlas itu, sabda Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota, amatlah menarek hati Yang Teramat Mulia itu dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri dan akan menjadi kenangan selama2-nya.

Ketika bersabda mengenai ranchangan Persekutuan Guru² Melayu Brunei hendak membena

sa-buah Kolam Panchutan Ayer sa-bagai tanda kenangan terhadap Perkahwinan Diraja itu, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota bersabda bahawa Yang Teramat Mulia itu sa-sungguh-nya amat sukachita mendengarkan yang Persekutuan Guru² Melayu Brunei akan membena Kolam Panchutan Ayer. itu.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota bersabda lagi bahawa Yang Teramat Mulia berharap agar-nya hadiah chenderamata itu akan menjadikan pemandangan yang indah dan akan menjadi tempat hiburan untuk orang ramai.

Majlis itu di-tamatkan dengan bacha'an Do'a Selamat oleh Awang Haji Abdul Rahman.

Sokan Tahunan Maktab S.O.A.S.

BANDAR BRUNEI. — Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah mengadakan temasha sokan-nya kali yang ke-10 di-Padang Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jamalul Alam, Bandar Brunei pada petang hari Sabtu yang lalu.

Ramai Pegawai2 Kerajaan, para jemputan dan ibu-bapa penuntut2 maktab tersebut telah telah hadir di-temasha sokan itu.

Hadiah2 kepada pemenang2 telah di-sampaikan oleh Penolong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking.



Satu perlawanan hoki sa-chara persahabatan di-antara Pasokan Kerajaan dan Pasokan Polis telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 7 Ogos, 1965. Pasokan Kerajaan telah di-ketuai oleh Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof, manakala Pasokan Polis telah di-ketuai oleh Pesuruh Jaya Polis, Awang Slater. Dalam perlawanan itu, Pasokan Kerajaan telah mengalahkan Pasokan Polis dengan empatgol berbalas satu gol. Ramai peminat2 hoki telah menyaksikan perlawanan yang hebat itu di-antara dua pasokan hoki yang gagah di-Bandar Brunei. Gambar ramai ini di-ambil sa-belum di-langsungkan perlawanan hoki tersebut.

ORANG² MELAYU DENGAN PERNIAGAAN

KEMUNDORAN orang² Melayu di-lapangan perniagaan telah di-ketahui ujud-nya dan bangsa yang maju di-lapangan ini sa-bilangan besar-nya ia-lah bangsa China.

Ada pendapat² mengatakan bahawa di-lapangan perniagaan bangsa China ada-lah satu perkara atau lapangan yang sudah menjadi darah daging bagi mereka. Bukan itu saja, malah bangsa China telah di-anggap sa-bagai satu bangsa yang tidak mungkin di-tandingi kemajuannya oleh bangsa² lain di-lapangan perniagaan tersebut. Dari sebab itu, timbul-lah pendapat² yang agak berat yang menyuarakan bahawa perniagaan (business) ada-lah satu lapangan yang semula jadi bagi bangsa China tidak-lah di-hairankan kalau bangsa itu ada-lah sa-bagai satu bangsa yang sukar di-tandingi oleh bangsa² lain di-lapangan perniagaan ini.

Pendapat ini ada-lah tidak sesuai untuk di-ketengahkan kepada umum di-wasa ini, zaman sekarang ini ada-lah lahir sa-bagai satu zaman chabaran bagi bangsa² di-dunia untuk berlumba² dalam mencari serba kemajuan terutama di-dapangan ekonomi, siasah dan sosial.

Manusia di-lahirkan ka-dunia ini tidak di-tentukan akan burok baik-nya dan maju mundor-nya tetapi lahir bersama² pancha-inderia lima ia-itu penglihat, pendengar, penchium, perasa dan pengecap.

Oleh itu tidak-lah ada sa-barang kemushkilan untuk sa-suatu bangsa itu bergerak dan berusaha dalam sa-barang lapangan, chuma usaha² itu sudah sa-mesti-nya di-sertai dengan ketabahan jika mahu mencapai sa-suatu kemajuan.

Mas'alah kemundoran bangsa Melayu di-lapangan perniagaan (yang menjadi pokok perso'alan renchana ini) ada-lah satu perkara yang bangsa Melayu sendiri harus bangkit dan menebus-nya. Kerana kita tidak mahu yang bangsa kita di-anggap sa-bagai satu bangsa yang malas dan angapan ini kita setuju di-limparkan kepada dato' nenek kita tetapi bukan kepada angkatan baru yang ada sekarang ini.

Angapan yang kita mahu di-limparkan kepada dato' nenek kita itu jangan-lah pula di-anggap sa-bagai satu perkara yang keji, tetapi anggaplah ia sa-bagai satu angapan chabaran kepada kita sekarang ini.

Dari chabaran itu nyata-lah akan membuahkan bibit² kemajuan bagi bangsa kita di-satu masa kelak dan pada masa ini pun kita telah nampak satu demi satu yang bangsa kita telah beransor² menempoh kemajuannya di-lapangan perniagaan ini yang berpuncha dari falsafah "satu ketika nanti akan berjaya juga".

Falsafah ini telah di-pegang oleh sa-orang tokoh perniagaan Melayu kita di-negeri ini yang pada masa ini telah mencapai satu kejayaan yang gilang gemilang dan juga menjadi chabaran kepada tokoh² perniagaan kita yang lain.

Tokoh perniagaan itu ia-lah Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohammad.

Beliau mempunyai Sharikat² Perusahaan Kilang Kayu yang terbesar di-negeri ini dan perusahaan ini juga ada-lah yang pertama di-negeri ini yang mempunyai alat² yang lengkap.

Sharikat perusahaan Kilang Kayu Haji Ibrahim ini ada-lah perusahaan Melayu yang tunggal yang telah berani tampil untuk menyertai Perusahaan Membuboh Ubat² atau Celcure Wood Preservative Ltd., yang berpusat di-London.

Menurut senarai wakil² bagi perusahaan itu, hanya satu perusahaan orang Melayu sahaja yang terchatet di-antara wakil² yang lain di-seluruh Tenggara Asia.

Di-samping mesin² tersebut, kilang beliau itu juga mempunyai lain² mesin seperti mesin pengeringan kayu, kereta² lipan dan juga dalam sa-dikit masa lagi akan mempunyai mesin pengetam.

Tentu-nya belanja mengadakan perusahaan seperti itu memerlukan modal yang banyak dan menurut Haji

Buroh² yang bekerja di-perusahaan² beliau itu ada-lah sa-ramai lebeh dari 100 orang dan menurut beliau apabila perusahaan²nya itu di-lengkap dengan mesin² yang baru ramai bilangan buroh² yang baru terpaksa di-ambl.

Mengenai pengambilan buroh² baru pula, Haji Ibrahim lebeh mementingkan bumiputera negeri ini, baik di-lapangan kerja² kasar seperti punggah memunggah, mahupun ahli² teknik atau penjaga² mesin.

Mencheritakan pengalaman beliau sa-belum membuka perusahaan² tersebut, Haji Ibrahim yang berumur 49 tahun itu menyatakan bahawa sejak beliau remaja lagi, beliau tidak pernah bekerja sa-chara makan gaji, tetapi ia-lah dengan bekerja sendiri.

Waktu itu beliau berniaga dengan menjual barang² runchit dengan menggunakan perahu ka-Ulu² Sungai Temburong, Batu Apoi dan Pandaruan.

Kerja berniaga barang² runchit itu di-buat beliau sa-lama kira² empat tahun dengan menggunakan modal yang paling rendah.

Sa-telah itu beliau mengalehkan usahanya ka-lapangan yang lain dan yang menarik perhatian beliau waktu itu ia-lah kerja² memotong kayu di-hutan.

Haji Ibrahim mulai bekerja memotong kayu tersebut ia-lah dalam tahun 1943 dengan menggunakan gergaji sambil beliau sendiri bekerja memotong atau membelah kayu² yang beliau ramu dari hutan.

Berkat ketabahan dan usaha tidak jemu², sa-hari demi sa-hari perusahaan beliau yang kecil itu kian meluas yang menurut beliau bahawa perusahaan yang ada sekarang ini ada-lah luar dari dugaan-nya.

Mencheritakan bagaimana mulanya yang beliau mendapat peluang untuk membuka perusahaan yang besar itu, Haji Ibrahim menyatakan bahawa segala²nya berpuncha dari nasehat² yang di-terima beliau dari Pegawai Kehutanan Negara yang pada masa itu jawatan tersebut di-pegang oleh Awang Ja'afar bin Hassan, ia-itu sa-orang pegawai yang di-pinjamkan dari Malaya.

Perusahaan Kilang Kayu Kayan Sharikat Haji Ibrahim itu mula² dibuka dalam bulan September 1964 dan pelangan²nya ada-lah terdiri dari sharikat² pemborong, Kerajaan dan orang ramai.

Dengan kejayaan sharikat beliau ini, maka nyata-lah kepada kita bahawa sa-tapak demi sa-tapak bangsa Melayu telah mengorak langkah dalam mengejar kemajuan di-lapangan perniagaan.



Satu pemandangan Kilang Kayu Kayan kepunyaan Awang Haji Ibrahim bin Pehin Seri Wangsa Haji Mohamed di-Batu 3½ Jalan Tutong.

Kilang Kayu Kayan Haji Ibrahim ini letak-nya di-Batu 3½, Jalan Tutong, ia-itu 3½ batu dari Bandar Brunei.

Dalam kilang beliau ini mempunyai jentera pembuboh ubat "Celcure" ia-itu sa-jenis ubat yang boleh mengelakkan kayu-nya dari di-makan anai² atau reput.

Kayu yang di-buboh ubat "Celcure" itu, jangka lama menggunakan-nya ada-lah sangat lama jika di-bandingkan dengan kayu² biasa yang tidak di-buboh dengan ubat tersebut.

Menurut Haji Ibrahim, jentera pembuboh ubat "Celcure" itu (Celcure Wood Preservative) berharga \$20,000 termasuk belanja pasang memasang alat²nya.

Ibrahim belanja beliau hingga masa ini telah meningkat kepada \$200,000.

Di-samping kilang kayu kayan beliau yang di-sebutkan itu, beliau juga mempunyai dua buah kilang² kayu kecil yang lain yang masing² letak-nya di-Labu ia-itu dalam Daerah Temburong dan di-Kampong Pelamban berhampiran dengan Sungai Brunei, ia-itu kira² 3 batu dari Bandar Brunei.

Di-samping perusahaan² tersebut, Haji Ibrahim juga ada-lah di-kenal sa-bagai salah sa-orang pemborong dan kerja² yang beliau kontrak itu ia-lah seperti bangunan² rumah dan pajak memajak dan juga perniagaan² yang lain.

sebut.

Mengenai dasar tujuan persatuan itu yang antara lain telah menchatetkan bahawa yang ia-nya akan berusaha akan memperbaik penghidupan penduduk² kampung, Dato Ratna menekankan bahawa langkah itu ada-lah kena pada tempat-nya dan sa-mesti-nya di-pikul oleh pemuda pemudi.

Turut memberikan ucapan-nya di-majlis itu ia-lah Awang Ahmad bin Chuchu, Ahli Majlis Mashuarat Daerah bagi kawasan Gadong.

Dalam ucapan singkat-nya, Awang Ahmad telah juga menasehatkan pe-

mimpin² persatuan itu supaya sentiasa mengawasi pergerakan persatuan-nya supaya tidak tergelincir dari landasan undang² yang telah di-luluskan oleh Kerajaan.

Di-samping itu beliau juga mengingatkan mereka bahawa sa-tiap perselisihan yang mungkin berlaku, maka hendak-lah di-selesaikan dengan melalui perundingan dan bagitu juga dengan kerjasama antara ahli² mesti-lah di-amalkan.

Dengan itu, kata Awang Ahmad, kemajuan sa-buah persatuan itu dimasa akan datang tidak-lah di-ragukan.

Turut juga berucap ia-lah Yang Di-Pertua persatuan itu, Awang Jais bin Abu Bakar yang antara lain telah menyatakan berkenaan dengan tujuan persatuan itu.

Pembukaan Rasmi Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Kiarong

KIARONG. — Yang Mulia Dato Ratna Haji Md. Ja'afar bin Jamaluddin, Ketua Kampong Kiarong telah merasmikan pembukaan Persatuan Pemuda Pemudi Kampong Kiarong pada hari Juma'at yang lalu.

Persatuan yang baharu saja di-tubuhkan di-Kampong itu telah di-luluskan pendaftaran-nya oleh Pendaftar Persatuan² Negeri Brunei dalam bulan Jun lepas.

Dalam ucapan-nya di-majlis pembukaan itu, Dato Ratna antara lain, telah menasehatkan pemimpin² persatuan tersebut

supaya bergerak dengan tidak terkeluar dari apa yang telah di-sebutkan dalam Undang² Persatuan yang telah di-luluskan itu.

Atas kelahiran persatuan itu, Dato Ratna telah menyatakan kegembiraan-nya sambil mensifatkan-nya sa-bagai satu kemajuan bagi penduduk² di-kampong ter-

PERAYAAN SAMBUTAN PERKAHWINAN DI-RAJA



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan menantu Baginda, Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha kelihatan di-Jamuan Santapan Persembahan Pegawai2 Kanan dan Ketua2 Pejabat Kerajaan di-Istana Edinburgh (Istana Tetamu) pada malam 4 Ogos, 1965.



Dayangku Yura Muliati, anakenda Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof, Setia Usaha Kerajaan Brunei kelihatan menyampaikan chenderamata kenang2an dari Pegawai2 Kanan dan Ketua2 Pejabat Kerajaan kepada Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha di-Jamuan Santapan di-Istana Edinburgh pada malam Khamis.

PERAYAAN SAMBUTAN PERKAHWINAN DI-RAJA

Penuntut2 Tempatan Menyambut Perkahwinan Di-Raja Sa-chara Besar2an



Beribu2 orang murid2 Sekolah dan Maktab2 di-Daerah Brunei telah mengadakan Persembahan senaman Ramai, Tarian dan Jimnastik di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Khamis 5 Ogos, 1965 sa-bagai meraikan Perkahwinan Diraja, antara Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanah Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha.

Temasha itu telah di-serikan dengan keberangkatan kedua2 Pengantin Diraja tersebut.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, telah juga berchemar Duli ka-temasha tersebut.

❖❖❖ ❖❖❖ ❖❖❖

GAMBAR KIRI—Pertunjukan Jimnastik oleh Penuntut2 Maktab Perguruan Melayu Brunei yang telah di-persembahkan di-temasha tersebut.

❖❖❖ ❖❖❖ ❖❖❖

GAMBAR BAWAH—Alangkah chantek-nya pemandangan ini yang kelihatan saperti "bunga melor di-taman bunga". Ini-lah satu pemandangan Tarian Buloh yang di-persembahkan oleh murid2 perempuan dari Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah dan Sekolah Melayu Sultan Mohamed Jemalul Alam, Bandar Brunei di-bawah pimpinan Chegu Dayang Siti Yusof Khan dan Chegu Dayang Aishah Yusof, di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Khamis 5 Ogos kerana mera'ikan Perkahwinan Diraja.


❖❖

❖❖

❖❖

❖❖

❖❖



TINJAUAN DUNIA HARI INI

Malapetaka Di-Hiroshima 20 Tahun Lampau

PADA 6 Ogos, hari Juma'at yang lalu, genap 20 tahun memperingati peristiwa yang paling mengerikan menimpa Hiroshima, sa-buah bandar raya di-Barat Daya Pulau Honshu, lebeh di-kenal dengan nama negeri Jepon, apabila sa-butir bom atom senjata neuklear yang amat membahayakan di-ledakkan di-tengah2 ruang angkasa bandar raya itu, mengakibatkan lebeh kurang 200,000 nyawa manusia menjadi korban.

Oleh **HANAFI JOFFRI**

Sa-bagai sempena memperingati hari yang tidak dapat di-lupakan, terchatet dalam sejarah dunia, kemudian pada hari Juma'at itu, Hiroshima yang sekarang menjelma sa-bagai salah sa-buah bandar raya modern, telah menjadi tumpuan lebeh dari 50,000 orang yang berkabong, kebanyakan-nya datang dari seluruh negeri Jepon. Tidak kurang dari 200 perwakilan asing dari beberapa buah negara yang datang sama berziarah, kerana bertafkkur sejenak memperingati aruah mangsa bom atom itu.

Di-Hiroshima beratus2 karangan bunga telah di-letakkan di-tugu peringatan, yang terchatet 78,150 nama mangsa2 yang di-kenali, sementara di-seluruh negeri Jepon istiadat sembahyang di-jalankan serentak di-semua rumah2 berhalal dan gereja, dengan do'a di-jauhkan malapetaka yang sama, dan mengharapakan senjata neuklear di-chapai).

BOM ATOM

Hiroshima di-serang di-sabelah pagi, apabila kapal terbang pengebom Amerika jenis B-29 melayang di-angkasa bandar raya itu. Menurut orang2 yang melihat, salah sa-buah dari tiga buah kapal terbang pengebom B-29 yang di-anggap sa-bagai pasokan peninjau biasa, yang datang-nya dari sa-belah Tenggara, tiba2 melayang turun di-tengah2 bandar raya Hiroshima, lalu menggugorkan sa-butir bom, sa-belum ia-nya naik semula dengan laju-nya, menghala ka-lain arah.

Tidak berapa sa'at kemudian berlaku-lah malapetaka chiptaan manusia yang paling burok sekali, menimpa ka-atas Hiroshima yang pada ketika itu melindungi kira2 420,000 nyawa, yang meliputi 250,000 orang penduduk biasa, 80,000 orang tentera dan 90,000 orang pelanchong dalam dan luar negeri.

Bagaimana pun, untuk mendapatkan gambaran yang lebeh tepat akan peristiwa sa-lepas bom atom itu digugorkan marilah kita mengikuti berita yang sa-benar, hasil temu ramah saya dengan salah sa-orang mangsa bom atom di-Hiroshima yang terselamat dan maseh hidup, ia-itu Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, yang sekarang memegang jawatan sa-bagai Setiausaha Kerajaan Brunei.

PENGALAMAN

Menurut beliau, chuacha pada pagi itu ada-lah cherah dan baik, dan tidak sa-orang pun yang menyangka kejadian itu akan berlaku, kerana selama itu Hiroshima telah di-sifatkan sa-bagai kawasan yang terselamat, dan itu-lah sebab-nya beliau memilih untuk menuntut di-sabua universiti

bernama Hiroshima Bunrika Daigaku.

Sa-jurus sa-belum meledak-nya atom bom itu, beliau baharu sa-bentar sahaja masok ka-bilek darjah-nya, dan tidak berapa minit kemudian-nya, tiba2 kelihatan kilat yang memanah, di-ikuti pula oleh letupan yang dahsat bunyi-nya, ketika itu-lah beliau tidak sedarkan diri sa-lama empat atau lima minit. Tetapi sa-baik2 sahaja sedar, beliau dapati semua bangunan telah ranap-binas, dan kejadian di-luar tidak-lah di-ketahui lagi.

Akibat dari serangan bom yang dahsat itu, beliau dapati mangsa2-nya amat-lah mengerikan, kerana terdapat manusia yang berlainan rupa dari biasa ia-itu gambaran yang sangat sedeh dan menyanyatkan, tidak dapat di-lukiskan dalam kata2 biasa.

Dalam pendapat beliau, ini adalah akibat yang paling burok sa-kali menyebabkan beribu2 manusia menjadi korban, kerana bukan hanya bangunan, bandar yang musnah ranap, bagitu juga pasokan keselamatan dan manusia biasa yang terkorban, tetapi kanak2 yang tidak berdosa, turut menjadi korban, apa tah lagi binatang2.

Ketika di-minta mengulas akan bahaya senjata seperti itu, beliau telah melahirkan buah fikiran yang terbit dari pengalaman yang di-perolehi, maka sa-bagai sa-orang manusia biasa yang chintakan kepada keamanan dan perdamaian beliau menganjurkan supaya senjata2 itu, walaupun di-gunakan untuk damai, patut sekali di-haramkan.

KORBAN

Menurut angka awal, mangsa2 yang terkorban di-sa'at ledakkan bom atom di-Hiroshima pada 6 hariabulan Ogos itu ia-lah 78,000 orang, sa-mentara di-Nagasaki empat hari kemudian-nya 74,000 orang. Ini ada-lah merupakan pengorbanan sejarah, yang membawa kerajaan Hirohito menyerah diri dalam peperangan, tanpa syarat.

Istiadat memperingati hari itu, di-akhiri dengan upacara menghanyutkan perahu2 kechil yang di-perbuat dari kertas, di-sungai2 bandar raya Hiroshima, sa-bagaimana keperchaan orang2 Jepon, untuk memperingati aruah mangsa bom atom itu.

KEMAJUAN PULEH

Hiroshima sa-lepas 20 tahun telah menjelma sa-bagai ha-buah bandar moden yang indah, dan hari ini terdapat penduduk2-nya yang lebeh ramai, di-bandingkan dari masa sa-belum perang.

Hiroshima tetap sa-bagai bandar pelabohan yang sibok dan perindustrian yang maju, mengexporkan hasil pengeluaran-nya yang meliputi jentera2, jarum dan sa-bagai-nya menurut keperluan dunia hari ini.

Jika di-tinjau dari dekat, apa yang telah di-ramalkan 20 tahun dulu memang-lah jauh dari sangkaan, kerana bangunan2 moden, kilang2 besar terbena dengan chepat, semen-



Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammed Yusof, mangsa serangan bom atom yang terselamat di-Hiroshima dalam tahun 1945, ketika beliau menuntut di-Hiroshima Bunrika Daigaku (Bunrika University).

tara tumbohan2 menjadi lebeh subur dalam mana pada satu ketika terdapat ramalan, bahawa segala tumbohan2 tidak akan jadi sa-lama 75 tahun, akibat debu radio active bom atom.

Di-Hiroshima juga, terdapat banyak dari mangsa2 yang terselamat sudah pun melupakan dengan kejadian burok 20 tahun dulu, dan sa-tengah daripadanya melahirkan pendapat tidak ingin hendak mengingatkan peristiwa itu. Sementara penduduk2 baharu yang membanjiri Hiroshima sa-lepas perang, yang menjadikan empat per-lima dari sejuta orang penduduk di-bandar raya itu, hanya mempunyai keinginan yang samar2

dalam sejarah, di-tempat yang mereka duduki sekarang.

Bagaimana pun peristiwa itu memang belum boleh dapat di-lupakan, memandangkan kapada mangsa2 yang maseh terlantar di-rumah2 sakit di-Hiroshima, dengan tuboh badan yang chachat buat sa-lama2-nya itu. Ada juga sa-tengah daripadanya sudah pun berusia 20 tahun, akibat dari ibu2 yang mengandung yang diserang oleh rachun bom atom, sa-belum melahirkan.

Di Hiroshima, sa-buah rumah sakit khas bernama Rumah Sakit Mangsa Bom Atom terus menjalankan perkhedmatan, sa-hingga mangsa terakhir meninggal dunia.

KENANGAN

Oleh ini semua, maka Hiroshima telah di-jadikan sa-buah tempat suci perdamaian antara bangsa, sementara Nagasaki, sa-bagai sa-buah bandar kebudayaan antara bangsa.

Begitu-lah betapa dahsat-nya senjata atom, senjata yang dapat menyenyapkan makhlok manusia dengan sa-kelip mata, yang sekarang menjadi soal utama kapada dunia. Masaalah mengharamkan senjata neuklear seperti itu hingga hari ini, belum lagi dapat di-pecahkan, walaupun kuasa2 neuklear sama2 berikrar akan menggunakan-nya untuk tujuan2 damai. Bagaimana pun, sa-lagi soal senjata neuklear belum dapat di-selesaikan, maka sa-lama itu-lah kita umat manusia terancam akan bahaya-nya, seperti yang di-alami oleh Hiroshima dan Nagasaki 20 tahun dulu.

Pembetulan

Dalam keluaran lalu "Tinjauan Dunia Hari Ini", angka 1.5 million ringgit di-bacha 1.5 billion ringgit.

Pameran Perdagangan dan Pertanian

BANDAR BRUNEI. — Perse-diaan2 telah di-buat untuk mengadakan Pameran Perdagangan dan Pertanian Negeri Brunei Tahun 1965 sa-bagai salah satu dari achara2 sambutan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Pameran itu akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei selama empat minggu mulai pada hari Juma'at 3 September.

Selain dari pameran barang2 perniagaan dan perusahaan, bar-bagai2 achara persembahan akan di-adakan di-pameran tersebut.

Sementara itu, menurut satu berita yang rasmi, Pertunjukan Pertanian Negeri Brunei kali yang ka-17 yang di-jadualkan hendak di-adakan di-Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam dan di-Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada hari Juma'at 3 September,

1965 telah di-ubahkan tempat-nya.

Pertunjukan Pertanian tersebut akan di-adakan di-temasha Pameran Perdagangan dan Pertanian di-Padang Besar Bandar Brunei pada tarikh tersebut juga.

Perkhemahan Pengakap

KUALA BELAIT — Pengakap2 Daerah Belait akan mengadakan Perkhemahan Tahunan-nya di-Sungai Tali pada hari Juma'at 20 Ogos dan hari Sabtu 21 Ogos, 1965.

Ibu bapa Pengakap2 di-Daerah Belait dan lain2-nya ada-lah dipersilakan melawat ka-Perkhemahan Pengakap2 itu pada hari2 tersebut.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG:

Di-Pejabat Ugama Daerah Belait

Pemohon2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan yang tinggal di-dalam kawasan Daerah Belait untuk memohon tiga jawatan kosong seperti di-bawah ini:

(a) BILAL. (Satu jawatan kosong di-Masjid Pekan Seria).

Sharat2 pemohon jawatan ini seperti berikut: —

(i) Umor antara 25 hingga 40 tahun.

(ii) Tinggal di-Daerah Belait di-utamakan pemohon dari kawasan Seria.

(iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang sesuai dengan jawatan Bilal.

(iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan untuk di-uji dalam pengetahuan Ugama.

Gaji—Dalam tangga gaji Bilal U.2 - \$180x10 - 380 sa-bulan.

Gaji permulaan akan di-timbangkan mengikut kelayakan.

(b) KHATIB. (Satu jawatan kosong di-Masjid Pekan Seria).

Sharat2 pemohon jawatan ini seperti berikut: —

(i) Umor antara 25 hingga 45 tahun.

(ii) Tinggal di-Daerah Belait di-utamakan pemohon2 dari kawasan Seria.

(iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang sesuai dengan jawatan Khatib.

(iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan untuk di-uji dalam pengetahuan Ugama.

Gaji — Dalam tangga gaji Khatib U.3 \$200x10 - 400 sa-bulan.

Gaji permulaan akan di-timbangkan mengikut kelayakan.

(c) IMAM. (Satu jawatan kosong di-Masjid Kuala Belait, Belait).

Sharat2 Pemohon jawatan ini seperti berikut: —

(i) Umor di-antara 25 hingga 45 tahun.

(ii) Tinggal di-Daerah Belait di-utamakan pemohon2 dari kawasan Kuala Belait.

(iii) Mempunyai pengetahuan Ugama yang sesuai dengan jawatan Imam.

(iv) Di-kehendaki memasoki peperiksaan bagi menguji pengetahuan Ugama.

Gaji—Dalam tangga gaji Imam U.4 - \$240x10 - 480 sa-bulan.

Gaji permulaan akan di-timbangkan mengikut kelayakan.

Surat2 Permohonan mesti-lah di-tujukan kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei dengan melalui Kadzi Daerah Belait.

Borang2 permohonan boleh-lah di-dapati di-Pejabat Kadzi Daerah Belait.

Surat permohonan mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal-Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1965.

Sharahan Ugama Islam

BANDAR BRUNEI—Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Brunei akan melawat ka-tempat2 di-bawah ini pada hari Juma'at 13 Ogos, 1965 untuk memberikan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam: —

(a) Mulai pada pukul 10-30 pagi hingga ka-pukul 12 tengah hari di-Sekolah Melayu Piasau, Temburong.

(b) Mulai pada pukul 2 petang hingga ka-pukul 4 petang di-Kampung Sungai Kedayan "A", Brunei.

Orang ramai, lelaki dan perempuan ada-lah di-jemput hadir di-majlis2 tersebut untuk mendengarkan sharahan berkenaan dengan Ugama Islam kita yang maha suchi.

Waktu² Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu² sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah² Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11 Ogos hingga ka-hari Selasa 17 Ogos, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
11	12-30	3-48	6-39	7-50	4-43	4-58	6-16	6-16
12	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	6-16
13	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	6-16
14	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	6-16
15	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	6-16
16	12-29	3-47	6-38	7-49	4-43	4-58	6-16	6-16
17	12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-58	6-16	6-16

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap² waktu. Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-30 tengah hari.

Penyelenggara Setor

- 260 - 280 - 290 - 300.

Permohonan2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat Sultan atau mereka yang berhak menjadi ra'ayat Sultan untuk memenohi satu jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-dalam Jabatan Hal-Ehwal Ugama Brunei.

Kelayakan2:

1. Berumur 18 tahun hingga 40 tahun.

2. Lulus darjah IV Sekolah Melayu.

3. Mengetahui serba sedikit pengetahuan Ugama Islam.

4. Mempunyai pengalaman dalam pekerjaan setor.

Gaji—Dalam sukatan gajiE. 1 - 2 - 3 — \$183x7 - 211 - 220x10

Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat daripada 20 Ogos, 1965.

PERADUAN SAJAK DAN SHARAHAN

TUTONG. — Satu majlis sambutan Maulud Nabi Mohamed s.a.w., oleh penduduk2 Daerah Tutong, telah di-adakan di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada malam 31 Julai, 1965.

Setia Usaha Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei, Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah melafadzkan satu Sharahan Khas mengenai Maulud Nabi di-majlis tersebut.

Peraduan2 Membacha Sajak dan Sharahan antara murid2 Sekolah2 Ugama di-Daerah Tutong telah di-adakan di-majlis tersebut.

Keputusan peraduan2 itu adalah seperti berikut:

Sharahan bagi murid2 sekolah2 Ugama: Johan — Fatimah binte Haji Abd. Hamid, S. U. Muda Hashim; Naib Johan — Zaimah binte Daud, S. U. Penanjong; dan Ke-tiga — Norsiah binte Matali, S. U. Keriam.

Johan bagi peraduan sajak ialah Masni binte Ali dari Sekolah Ugama Abd. Rashid, Tanjong Maya; Naib Johan — Mastura binte Libut dari Sekolah Ugama Keriam dan pemenang ke-tiga —

Siti Hajar binte Matamit dari Sekolah Ugama Penanjong.

Sharahan antara persatuan2: Gelaran Johan telah di-menangi oleh Haji Ahim bin Haji Ibrahim dari Persatuan Tunas Harapan Sinaut. Naib Johan, Mahyuddin bin Abd. Ghani dari 3PTM, Tanjong Maya; dan yang ke-tiga, Ramlee bin Tunggal dari PERDA.

Gelaran Johan sajak: di-menangi oleh M. Sharif Naweh dari Gerakan Pakatan Pemuda Pemuda di Sukarela Tutong. Naib Johan di-menangi oleh Mastura binte Masri dari Persatuan Melayu Keriam dan yang ke-tiga Yahya bin Said dari Persatuan Tunas Harapan Sinaut.

Pembukaan Rasmi Mukim Council Bunut

BUNUT. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar akan merasmikan pembukaan Mukim Council Bunut.

Achra itu akan di-adakan di-Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut pada hari Ahad 5 September, 1965.

Ketua Kampong Bunut, Yang Berhormat Awang Haji Halus bin Abdul Samad telah di-lantek menjadi Pengerusi Mukim Council Bunut, manakala Guru Besar Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut, Chegu Hassan bin Sunggoh di-lantek menjadi Setia Usaha Mukim Council Bunut.

Lantekan Baru

Awang Taha bin Abdul Rahman, telah di-lantek menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei III mulai pada 1 Ogos, 1965.

Sambutan Hari Lahir P.B.P.S.U. Brunei

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bekas Penuntut Sekolah2 Ugama Brunei akan mengadakan Majlis Sambutan Hari Lahir persatuan itu bertempat di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada hari Juma'at 13 Ogos, 1965 mulai pada pukul 2 petang.

Di-antara achra2 yang akan di-adakan di-majlis itu ia-lah Peraduan Membacha Sajak terbuka kepada ahli2 persatuan tersebut.

PENGANTIN2 DI-RAJA BERCHEMAR DULI KA-TUTONG DAN TEMBURONG

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha akan berchemar Duli ka-Pekan Tutong pada hari ini.

Pada hari Sabtu 14 Ogos pula, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha akan berchemar Duli ka-Pekan Bangar, Temburong.

Penduduk2 di-Daerah2 Tutong dan Temburong akan mengadakan berbagai2 acara yang meriah untuk meraikan keberangkatan kedua2 Pengantin Diraja ka-daerah masing2 pada hari2 tersebut.


Baginda Queen Mempersetujui Lantekan Awang Webber Sebagai P.J.T.

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Elizabeth II, telah dengan sukachita Baginda mempersetujui lantekan Awang F. D. Webber sa-bagai Pesuruh Jaya Tinggi British di-Brunei menggantikan

Awang E. O. Laird.

Awang Webber yang telah mangku jawatan tersebut semenjak 10 April, 1965 telah menjalankan jawatan2 rasmi sa-bagai Pesuruh Jaya Tinggi mulai pada 1 Ogos, 1965.

CHENDERAMATA UNTOK PENGANTIN DI-RAJA



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah kelihatan menerima sa-buah chenderamata yang di-hadiahkan oleh murid2 Sekolah2 dan Maktab2 di-Daerah Brunei di-temasha Senaman Ramai, Tarian dan Jimnastik di-Padang Besar, Bandar Brunei pada petang hari Khamis 5 Ogos, 1965. Murid2 itu juga telah menghadiahkan sa-buah chenderamata kepada Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha di-temasha tersebut.

Pengantin Di-Raja Menikmati Jamuan



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan Yang Amat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha kelihatan semasa menghadiri Jamuan Santapan oleh penuntut2 Brunei di-United Kingdom yang kini sedang berchuti di-Tanah Ayer. Majlis itu telah di-adakan di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada malam Ahad yang lalu.

PENGANTIN DI-RAJA KA-LONDON

KUALA BELAIT. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah mengumumkan bahawa dalam masa yang tidak berapa lama lagi, Yang Teramat Mulia itu dan Duli Pengiran Isteri Anak Saleha akan berlepas ka-London untuk melanjutkan pelajaran di-sana.

Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota telah mengumumkan sademikian ketika bersabda di-Majlis Jamuan Teh yang telah di-adakan oleh penduduk2 Daerah Belait pada petang ke-lemarin.

Selanjut-nya Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota bersabda bahawa lanjutan pelajaran Yang Teramat

Mulia itu dan Isteri di-London, ada-lah di-sifatkan bukan hanya untuk kepentingan kedua2 Pengantin Di-Raja itu, bahkan juga untuk kepentingan ra'ayat dan negara.

PEMBETOLAN

Muka 6, para. 3, barisan 9 — Perkataan "pengharapan" di-tambah di-antara "mengharapkan" dan "senjata".

Mashuarat J.K. Persatuan Pengakap Daerah Brunei

BANDAR BRUNEI. — Mashuarat Jawatan Kuasa Persatuan Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah, Bandar Brunei pada hari Khamis 12 Ogos, 1965 mulai pada pukul 5 petang.

Di-antara acara2 yang akan di-rundingkan di-majlis tersebut ia-lah mengenai Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei yang akan di-adakan di-Pantai Peranginan Muara pada penghujung tahun ini.

Permohonan Menjadi Pengundi

(Dari Muka 1)

Datang-lah ka-Pusat Pendaftaran dengan segera untuk mendaftarkan diri.

Pusat2 itu ia-lah di-Sekolah2 Melayu luar Bandar, di-Pejabat2 Pegawai Daerah dan di-Pejabat Pilehan Raya.

Perlu juga di-ingatkan bahawa sa-orang itu di-benarkan mendaftarkan diri tidak lebih dari satu pendaftaran sahaja.

Sa-siapa mendaftarkan diri dua kali atau di-dua tempat akan menjadi salah dari segi Undang2 Pilehan Raya.